

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Koh Chin Han**

**TARIKH : 14 APRIL 2015**

**SOALAN:**

**Tuan Koh Chin Han** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM**  
**SEKITAR** menyatakan :-

- (a) apakah perkembangan status pemetaan risiko banjir (hazard map) yang telah dijalankan oleh Kementerian ke atas kawasan geografi rendah yang berisiko dilanda banjir dan juga kawasan-kawasan sering dilanda banjir; dan
- (b) selain daripada Manual Saliran Mesra Alam, apakah pelan induk atau garis panduan yang digunakan oleh Kementerian untuk menangani masalah banjir.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Sehingga kini Kementerian Sumber Asli dan Alam sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah menyiapkan sebanyak 31 peta *hazard* banjir yang dikategorikan dalam bentuk lembangan-lembangan. Penyediaan peta *hazard* ini telah mengambil kira beberapa faktor seperti berikut:

1. Ciri kawasan tadahan;
2. Permukaan muka bumi;
3. Jenis tanah;
4. Air pasang/surut;
5. Jajaran sungai;
6. Keratan rentas sungai;
7. Jenis-jenis struktur yang terlibat;
8. Data hujan;
9. Data Jalan dan Kadestra; dan
10. Data guna tanah.

Peta-peta *hazard* banjir yang sedang dalam penyediaan bagi tahun ini ialah lembangan-lembangan Sg. Terengganu, Sg. Linggi (Melaka) dan Sg Langat.

Penyediaan peta *hazard* akan diteruskan melalui program Penyediaan Pelan Induk Dan Peta *Hazard* Banjir bagi Lembangan Sungai Pelbagai Negeri yang telah dipohon dalam RMKe-11.

- (b) Selain daripada Manual Saliran Mesra Alam, Garis Panduan Kawalan Hakisan dan Kelodak di Malaysia yang diterbitkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran turut diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam perancangan dan pembangunan tanah dan berupaya mengurangkan risiko banjir.

Sekian terima kasih.